

IM Lapor

197,814
Jumlah ahli



CARA DAFTAR

Sekali sahaja

Im daftar [Nama samaran]
[No MyKad] SMS ke 32728



Perkhidmatan disediakan Dapet Vista (M). Untuk pertanyaan, bantuan dan masalah teknikal hubungi **DAPAT Careline** di talian 03-55692840(24jam) atau emel: nstp@dapat.com. Setiap sms diterima dikenakan caj 50 sen kecuali pendaftaran ahli, IM Pilih dan MMS masing-masing dikenakan bayaran RM1. Untuk maklumat lanjut, layari <http://imetro.hmetro.com.my>



CARA HANTAR KOMEN

Im Lapor [laporan anda]
SMS ke 32728



CARA HANTAR FOTO

- Ambil foto
- Taip keterangan foto, butiran peribadi dengan nombor telefon
- E-mel foto ke suara@mediaprima.com.my

GADIS lari dari rumah tidak diambil tindakan mahkamah. Apabila hamil dikatakan kena rogol. Sepatutnya kedua-duanya dikenakan tindakan.

>> **LEHALENGEH** [IMA98175]

SILA pantau pelajar di Bandar Seri Permaisuri, Cheras kerana ramai ponteng dengan melepak di tangga Flat Penara dengan masih memakai uniform.

>> **KAWAN76** [IMB67441]

KEBELAKANGAN ini keganasan rumah tangga bukan hanya dialami isteri sebagai mangsa, malah suami pun sama.

>> **PAKCIKSENYUM** [IMA13434]

MENGALIR air mata apabila Terengganu tersingkir daripada saingan suku akhir Piala Malaysia 2013. Harap bangkit musim depan.

>> **TERATAIJAYA** [IMB81169]

BMI perlu untuk kenaikan pangkat bagi pegawai beruniform. Jika perut boroi, macam mana nak kejar penjenayah yang lari macam lipas kudung.

>> **BAPAKCHEMAT703** [IMB82757]

HAIRAN dengan perihal suami yang menghantar mesej dan foto lucah kepada isteri orang.

>> **TULIPBIRU84** [IMB97036]

HARGA barang dan perkhidmatan turut naik kesan kenaikan harga minyak kerana peniaga ingin menstabilkan kos hidup mereka.

>> **TULIPBIRU84** [IMB97036]

MENGAPA elaun jahitan dan kasut kakitangan pergisian SPT tahun ini lambat? Harap pihak atasan ambil tindakan.

>> **AAD** [IMA04452]

HARAP paparkan 16 nama produser filem yang enggan membayar balik pinjaman DIKN. Bagaimana orang lain hendak maju jika ada sikap seperti itu?

>> **BAPAKCHEMAT703** [IMB82757]

KEPADA semua yang bergelar anak, ingatlah bahawa reda Allah itu terletak pada reda ibu bapa, maka berbaktilah kepada mereka.

>> **DARKSHADOW29** [IMB97793]

HARAP pihak berwajib bersihkan parit di pekan Tenang Stesen hingga Taman Tenang kerana

selalu berlaku banjir setiap kali hujan.

>> **PAYROCKMAN** [IMB97789]

MINTA pihak berkuasa JPJ memantau Jalan Kerambit menghala Jerantut, pemandu lori bijih besi memandu secara berbahaya.

>> **AMY741974** [IMB89317]

SETIAP ibu yang melahirkan anak di dunia ini, tiada yang mahukan anaknya menjadi jahat.

>> **PANASS** [IMB97702]

SOKONG tindakan Perdana Menteri dan kerajaan tidak mengizinkan abu mayat Chin Peng dibawa balik ke negara ini.

>> **NIDALIB** [IMB69926]

DIHARAP Sarawak Energy Berhad dapat menyediakan kemudahan sesuai untuk OKU dan warga emas yang berurusan di kaunter bayaran di ibu pejabatnya di Kuching.

>> **MAXAI07** [IMB84782]

POHON kerajaan pantau perkhidmatan insurans. Kenaikan demi kenaikan membebaskan rakyat. Harga premium insurans patut dikawal.

>> **MATPANTAU** [IMA08541]



KEPADA imigresen dan jabatan berkaitan, bila hendak buat operasi tangkapan PATI di Kampung Gemas Baru, Segamat, Johor? Ramai yang bekerja tanpa permit.

>> **ROY76** [IMA20237]

MINTA Majlis Daerah Hulu Selangor dan PBT mencantas dan menebang pokok terutama di sepanjang jalan Bukit Beruntung.

>> **MYKKB** [IMB66373]

MINTA pihak berkuasa berkenaan ambil tindakan segera terhadap kenderaan berat seperti lori dan bas yang



**10 AHLI
TERBARU**

MALAYSIAKU98.....IMB97814
HAZY.....IMB97813
8085DYA.....IMB97812
EXPROVOST.....IMB97811
TERTIPU1987.....IMB97810
ONAKBAU.....IMB97809
LIDASHA.....IMB97808
JAWSTAIPIG.....IMB97807
KAINGAH78.....IMB97806
WARROCK.....IMB97805



**Ikuti Harian
Metro mymetro
di facebook**



**Ikuti twitter.com/
hmetromy
di twitter**

diletakkan di Taman Santan 2, Kangar, Perlis.

>> **TOKGURU66** [IMB37291]

SEHEBAT manapun jurulatih yang diambil pasti tidak ke mana jika mempunyai pemain yang mempunyai mentaliti rendah.

>> **TERATAIJAYA** [IMB81169]

SESEKALI kita dikejutkan dengan kisah Isteriku Gengster, tapi itu hanyalah kes terencil jika nak dibandingkan dengan kes Suamiku Gengster.

>> **KAKEE** [IMA26890]

sampai RM60,000 semata-mata untuk bayar gaji jurulatih luar negara?

>> **ABGGUARDSI** [IMB97496]

JALAN di Pekan Semenyih berbau busuk akibat air yang keluar dari lori sampah.

>> **MATAMATA1971** [IMB95631]

KEPADA MRK 79, untuk pengetahuan anda, terdapat juga warga Bangladesh yang jadi nelayan tanpa rasa takut dan tidak langsung menghormati nelayan tempatan.

>> **POKSUH** [IMB83855]